

Mahathir, Musa turut kempen di Seremban

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Musa Hitam akan turut ke Seremban untuk membantu kempen calon Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Parlimen pada 19 November.

Ketika mengesahkan perkara itu hari ini, Pemangku Presiden MCA Datuk Dr Neo Yee Pan berkata aturcara lawatan sedang disusun supaya setiap pengundi di kawasan itu akan dapat mendengar taklimat penting kedua-dua pemimpin.

Puan Rosle Teh, calon Barisan dari MCA, akan cuba untuk mengekalkan kerusi itu untuk BN dalam pertandingan dengan Dr Chen Man Hin dari DAP.

Berita Harian difahamkan Datuk Musa akan ke sana Isnin ini, diikuti oleh Datuk Seri Dr Mahathir pada 17 November.

Setiausaha Agung Barisan Encik Ghafar Baba pula yakin DAP akan menerima tamparan hebat kerana "mereka menggunakan isu lapok yang lagi tidak dapat diterima oleh rakyat."

"DAP masih menggunakan isu kebudayaan dan pelajaran Cina untuk cuba mempengaruhi pengundi Cina."

Isu-isu seperti itu, tegas Encik Ghafar, tidak akan berkesan kerana pengundi Cina sudah faham dasar Kerajaan Barisan Nasional yang memperjuangkan kepentingan semua kaum.

"Dalam Barisan, setiap penyelesaian dibuat melalui perundingan bukan secara konfrantasi."

Sementara itu Pergerakan Wanita Umno Negeri Melaka akan turut berkempen membantu calon Barisan Nasional di Seremban.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Negeri, Datin Hajah Fatimah Ahmad berkata beberapa orang ahli jawatankuasanya akan dihantar ke sana tidak lama lagi bagi menyertai kempen itu. — Bernama.